20 Sifat Hati

Yang Keji dan Terpuji

HJ. NIK ABD. KADIR HJ. NIK MUHAMMAD

البيمين

20 Sifat Hati

Yang Keji dan Terpuji

HJ. NIK ABD. KADIR HJ. NIK MUHAMMAD

20 Sifat Hati

Yang Keji dan Terpuji

Cetakan Ketiga :

Oleh Hj. Nik Abdul Kadir bin Hj. Nik Muhammad

Diterbitkan oleh:

JAFFAR RAWAS TRADING SDN.BHD

18T - B JLN Dato' Pati
15000 Kota Bharu,
Kelantan.

Tel : 09 - 7448444
Tel : 09 - 7433434


Disusun dan dicetak oleh :

SUTERA TIMUR SDN.BHD

Lot 145, Seksyen 22,
Jalan Kuala Krai,
15150 Kota Bharu,
Kelantan.

Tel : 014-2403441
Tel : 011-10959413

KATA PENERBIT



SEGALA puji bagi Allah yang memerintah seluruh alam, selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga serta sahabat-sahabat baginda.

Alhamdulillah kami bersyukur kepada Allah kerana dapat menerbitkan sebuah lagi buku agama yang bertajuk ***20 Sifat Hati Yang Keji dan Terpuji.*** Penerbitan ini adalah satu usaha untuk menambahkan bahan bacaan berbentuk agama untuk tatapan di kalangan masyarakat kini.


Harapan kami sebagai penerbit semoga buku ini dapat memberi manfaat dan kemudahan kepada pembaca sebagai bahan bacaan dan rujukan.

Segala kesilapan sama ada kesilapan pengarang, atur huruf teknikal atau cetakan adalah kelemahan daripada kami untuk mengesannya. Oleh itu teguran dan tunjuk ajar daripada pembaca amatlah dialukan. Kami mengucapkan ribuan terima kasih kerana membeli buku daripada kami juga kepada yang memberi teguran membina.

Sekian. Wabillahi Taufiq Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Penerbit,
Syarikat Jaffar Rawas Sdn Bhd

KATA PENGANTAR



SETIAP Muslim perlu memahami benar-benar bahawa Addin adalah terdiri dari Iman, Islam dan Ihsan. Ketiga-tiga bahagian ini perlu ada pada diri seseorang Islam. Tidak lengkap Islam tanpa ketiga-tiga unsur tersebut. Lantaran itu setiap Muslim wajib mempelajari ilmu Tauhid, Feqah dan Tasawuf atau Akhlak, serta menghayatinya.

Ilmu Tasawuf atau Akhlak adalah ilmu yang membicarakan perangai hati yang menghuraikan bahagian 'Ihsan'.

Manusia atau insan itu terdiri dari jasmani dan rohani. Dan rohani inilah yang dikatakan hati iaitu qalbi dan ianya perlu diberi didikan secukupnya, sebagaimana jasmani perlu dijaga dan dididik, kerana hati inilah yang akan mempengaruhi hidup seseorang, sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

"Bahawa di dalam jasad itu ada seketul daging. Bila ia baik maka baiklah seluruh jasadnya dan bila ia rosak

maka rosaklah seluruh jasadnya. Benda itu ialah hati."

Seseorang manusia tidak akan baik perangai atau akhlak selagi hatinya tidak berkeadaan baik. Oleh yang demikian sangatlah mustahak diberi perhatian kepada usaha memperbaiki hati.


Buku kecil ini dihidangkan kepada pembaca untuk memberi gambaran ringkas tentang sifat-sifat hati yang terpuji dan yang keji. Semoga ia menjadi pedoman ke arah hidup bahagia dunia dan akhirat.

Wabillahi Taufik Walhidayah.

Hj. Nik Abdul Kadir bin Hj. Nik Muhammad

KANDUNGAN

PENDAHULUAN



WAJIB atas setiap orang yang berakal dan sampai umur, mencuci dan membersihkan hatinya daripada sifat-sifat tercela yang merosakkan hatinya dan menghiasinya dengan sifat-sifat yang terpuji yang menyelamatkan dirinya di dunia dan akhirat.

Allah Taala berfirman:

وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا فِيْ قُلُوْبِكُمْ.

Ertinya:

"Allah Taala mengetahui apa yang ada di dalam hati kamu (dari sifat-sifat kepujian dan sifat-sifat kecelaan)."

Dan Allah berfirman lagi:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكّٰىهَا ۝٩ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسّٰىهَا ۝١٠

Ertinya:

"Sesungguhnya berjayalah orang-orang menyucikan hatinya dan kecewalah orang-orang yang

mengotorkannya."

(Al-Syams: 9-10)

Dan firman Allah lagi:

يَوْمَ لاَ يَنْفَعُ مَالٌ وَلاَ بَنُوْنَ إِلاَّ مَنْ أَتَى اللّٰه بِقَلْبٍ سَلِيْمٍ.

Ertinya:

"Ingatlah akan hari yang tak berguna di sana harta benda dan anak pinak kecuali orang-orang yang datang mengadap Allah dengan (membawa) hati yang selamat sejahtera (dari dosa dan sifat-sifat yang tercela)."

Dan Rasulullah SAW ada bersabda:

اِنَّ اللّٰهَ تَعَالَى لاَ يَنْظُرُ اِلَى صُوَرِكُمْ وَاَمْوَالِكُمْ وَاِنَّمَا يَنْظُرُ اِلَى قُلُوْبِكُمْ وَاَعْمَالِكُمْ.

Ertinya:

"Bahawa Allah Taala tidak memandang kepada rupa paras dan harta benda kamu, tetapi Dia hanya memandang kepada hati dan amal usaha kamu."

(Riwayat Bukhari)

Berikut diterangkan sepuluh sifat hati yang terkeji untuk dijauhi dan sepuluh sifat hati yang terpuji untuk dihiasi hati dengannya. Semoga kita beroleh kebahagian di dunia dan akhirat.

1

SEPULUH SIFAT HATI YANG KEJI

1

TAKABBUR

MEMBESARKAN diri, Rasulullah SAW ada bersabda dalam suatu hadis qudsi, firman Allah Taala:

الكِبْرِيَاءُ رِدَائِيْ، وَالْعَظَمَةُ إِزَارِيْ، فَمَنْ نَازَعَنِيْ وَاحِداً مِنْهُمَا. اَلْقَيْتُهُ فِيْ جَهَنَّمْ وَلاَ أُبَالِيْ.

Ertinya:

"Kebesaran, ketinggian itu selindangKu, keagungan itu kain pakaiKu, maka sesiapa yang cuba merebut iaitu bersifat dengan salah satu dari keduanya, Aku akan campakkan dia ke dalam api neraka jahannam, aku tidak peduli.

(Diriwayatkan oleh Muslim, Abu Daud dan Ibnu Majjah)

Hadith ini bermakna bahawa ketinggian dan keagungan hakiki itu dua sifat yang hanya kepunyaan Allah Taala tiada layak bagi selainNya. Orang yang membesarkan dirinya itu seolah-olah ia merebut sifat Allah Taala. Orang yang demikian sifatnya memang sesuai dilemparkan dia ke dalam neraka.

Nabi SAW ada bersabda lagi:

لاَيَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِيْ قَلْبِهِ مِثْقَالُ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ

مِنْ كِبْرٍ.

Ertinya:
"Tidak masuk syurga orang yang ada di dalam hatinya seberat timbangan biji sawi, sifat takbur atau membesar diri."

(Riwayat Muslim)

Bagi mengelokkan diri dari sifat takbur hendaklah:

1. Mengigatkan bahawa segala kelebihan dan nikmat yang dimilikinya seperti harta, pangkat, ilmu dan sebagainya, semuanya adalah dari kurnia Allah dan nikmatNya yang wajib disyukuri bukan untuk dimegahi.
2. Jangan menolak kebenaran, kerana sesuatu yang benar itu dari Allah.
3. Jangan melekeh atau merendah-rendahkan orang lain kerana sesuatu kekurangan yang ada padanya, kerana yang sebenar-benar mulia ialah yang paling bertaqwa.

Oleh kerana takbur itu sifat hati yang tercela, maka lawannya iaitu sifat tawadhuk (tunduk hati atau merendah diri terhadap kebesaran Allah) adalah sifat hati yang terpuji. Nabi SAW ada bersabda:

وَمَا تَوَاضَعَ اَحَدٌلِلّٰهِ اِلاَّ رَفَعَهُ اللّٰهُ.

Ertinya:
"Tiada seseorang itu bersifat tawadhuk kerana kebesaran Allah, melainkan Allah akan meninggikan martabatnya."

(Riwayat Muslim)

2

HASAD DENGKI

IAITU bercita-cita atau mahu supaya hilang nikmat dari orang lain. Nabi SAW ada bersabda:

لاَ تَحَاسَدُوْا وَلاَ تَقَاطَعُوْا وَلاَتَبَاغَضُوْا وَلاَ تَدَابَرُوْا وَكُوْنُوْا عِبَادَ اللهِ إِخْوَانًا.

Ertinya:
"Jangan dengki setengah kamu akan setengah, dan jangan memutuskan silaturrahim, dan jangan marah memarahi sesama kamu (benci-membenci) dan jangan membelakangkan setengah kamu akan setengah pada ketika berjumpa, bahkan hendaklah kamu bersaudara wahai hamba-hamba Allah."

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dan Rasulullah SAW bersabda lagi:

اَلْحَسَدُ يَأْكُلُ الْحَسَنَاتِ كَمَا تَأْكُلُ النَّارُ الْحَطَبَ.

Ertinya:
"Hasad dengki itu memakan kebajikan sebagaimana api memakan atau membinasakan kayu api."

(Riwayat Abu Daud)

Selamatkan kami ya Allah dari sifat-sifat tercela ini.

3

MARAH

SEORANG lelaki telah datang mengadap Rasulullah SAW, katanya: Perintahkan aku sesuatu pekerjaan dan mohon disedikitkan perintah itu. Maka Nabi SAW bersabda:

لاَتَغْضَبْ.

Ertinya:
"Jangan engkau marah!"
(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim)

Lelaki itu mengulangi lagi permintaannya. Maka Rasulullah SAW mengulangi lagi sabdanya:

لاَتَغْضَبْ.

Ertinya:
"jangan engkau marah."

Allah telah memuji orang yang dapat menahan marahnya sebagaimana firmannya di dalam Al-Quran:

وَالْكَاظِمِيْنَ الْغَيْظَ وَالْعَافِيْنَ عَنِ النَّاسِ.

Ertinya:
"Orang-orang yang menahan kemarahannya dan

memaafkan kesalahan orang...

Sabda Nabi SAW:

مَنْ كَظَمَ غَيْظًا وَلَوْشَاءَ اَنْ يَمْضِيَهُ اَمْضَاهُ مَلأَ اللّٰهُ
قَلْبَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ اَمْنًا وَاِيْمَانًا.

Ertinya:

"Sesiapa yang menahan marahnya yang mana jika ia mahu bertindak ia boleh bertindak nescaya dipenuhi Allah hatinya dengan keamanan dan keimanan pada hari kiamat."

(Riwayat Abu Daud)

4

BAKHIL DAN KASIHKAN HARTA

FIRMAN Allah Taala:

وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٦﴾

Ertinya:
"Sesiapa yang dipelihara Allah dirinya dari sifat kikir (bakhil) maka merekalah orang yang berjaya (mendapat kemenangan)."

(Al-Thaghabun: 16)

Nabi SAW ada bersabda:

اِيَّاكُمْ وَالشُّحَّ فَاِنَّمَا هَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ بِالشُّحِّ.

Ertinya:
"Hendaklah kamu menjauhi sifat bakhil kedekut, kerana sesungguhnya telah binasa orang-orang sebelum kamu disebabkan bakhil."

Dan sabda Nabi lagi:

ثَلاَثٌ مُهْلِكَاتٌ شُحٌّ مُطَاعٌ وَهَوًى مُتَّبَعٌ وَاِعْجَابُ الْمَرْءِ بِنَفْسِهِ.

Ertinya:
"Tiga perkara menjadi sebab kebinasaan, iaitu: sifat bakhil kedekut yang dituruti, keinginan hawa nafsu yang diikuti, dan seseorang yang mengkagumi dirinya."

(Riwayat Al-Tabrani)

Ingatlah orang yang bakhil itu akan mendapat seksa Allah, dicela manusia di dunia. Harta tidak akan bersama ke dalam kubur, harta adalah kepunyaan Allah Taala, diberikan kepada manusia untuk kegunaan sebagai alat kemudahan, untuk dibelanjakan di jalan kebaikan, ianya dari tanah dan akan kembali ke tanah.

Kalau seseorang itu bakhil kerana dicadangkan untuk anaknya seolah-olah ia meninggal anaknya dalam kebaikan dan ia datang mengadap tuhan dengan kejahatan. Ini adalah tindakan yang bodoh. Ingatlah bahawa harta adalah alat yang mesti digunakan bagi mencapai keredhaan Allah.

5

CINTAKAN KEMEGAHAN

CINTAKAN kemegahan adalah punca kebinasaan. Firman Allah Taala:

تِلْكَ الدَّارُ الْآخِرَةُ نَجْعَلُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ عُلُوًّا فِي الْأَرْضِ
وَلَا فَسَادًا ۚ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٨٣﴾

Ertinya:
"Kebahagiaan di negeri akhirat itu Kami sediakan bagi orang-orang yang tidak hendakkan ketinggian di muka bumi dan tidak mahukan berlakunya kerosakan, akibat yang baik adalah bagi orang-orang yang taqwa."

(Al-Qasas: 83)

Ayat di atas menerangkan bahawa orang yang akan mendapat kebahagiaan di akhirat ialah mereka yang suci hatinya daripada menghendaki dua perkara yang tersebut, dan termasuk di dalam "Ketinggian" itu ialah kemegahan.

Tidak menghendaki kemegahan bukan bermakna menolak segala jawatan dan dari menjadi pemerintah.

Yang dilarang ialah bermegah-megah dengan jawatan dan kuasa yang diberi. Kerana seseorang yang diberi jawatan itu adalah memikul tanggungjawab dan amanah dalam menyempurnakan tugas-tugas yang dipikul ke atasnya, ia tidak ada kelebihan dari orang lain, masing-masing memikul tugas dan tanggungjawab, orang yang paling baik ialah yang melaksanakan tugas dengan sebaik-baiknya dengan jujur dan ikhlas, lihat Yusuf a.s meminta supaya diberi jawatan menteri (pertanian atau perbendaharaan). Negeri menjadi makmur di masa ia memegang jawatan.

Rasulullah SAW, Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali semuanya telah memegang jawatan ketua negara. Apa yang menjadi hasrat dan cita-cita ialah menyempurnakan tanggungjawab di dalam menuju keredhaan Allah Taala dengan tetap mematuhi dan melaksanakan titah perintah Allah Taala.

6

CINTAKAN DUNIA

DIMAKSUDKAN dẹngan dunia di sini ialah sesuatu yang tidak memberi manfaat selepas mati. Firman Allah Taala:

فَأَمَّا مَن طَغَىٰ ﴿٣٧﴾ وَءَاثَرَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا ﴿٣٨﴾ فَإِنَّ ٱلْجَحِيمَ هِيَ ٱلْمَأْوَىٰ ﴿٣٩﴾
وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِۦ وَنَهَى ٱلنَّفْسَ عَنِ ٱلْهَوَىٰ ﴿٤٠﴾ فَإِنَّ ٱلْجَنَّةَ
هِيَ ٱلْمَأْوَىٰ ﴿٤١﴾

Ertinya:

"Adapun orang-orang yang melanggar batas-batas hukum, dan mengutamakan kepentingan hidup dunia (dengan mengikut keinginan yang diharamkan) maka di neraka Jahimlah tempat kediamannya. Adapun orang-orang yang takut kebesaran tuhannya lalu menahan diri dari mengikutkan hawa nafsunya (dengan selalu berada di dalam batas-batas ketaatan kepada hukum Allah dan Rasulnya) maka disyurgalah tempat menetapnya.

(Al-Naziyat: 37-41)

Sabda Nabi SAW:

حُبُّ الدُّنْيَا رَأْسُ كُلِّ خَطِيْئَةٍ.

Ertinya:
"Kasihkan dunia itu kepala segala kejahatan."
(Riwayat Al-Baihaqi)

Kehidupan dan kesenangan dunia adalah sementara, kehidupan dan kesenangan di akhirat adalah kekal, dunia tempat berusaha bagi mencapai kebahagiaan akhirat.

اَلدُّنْيَا مَزْرَعَةُ الْآخِرَةِ.

Ertinya:
"Dunia adalah ladang akhirat."

Keduniaan banyak daya penariknya, sesiapa yang lemah imannya akan terpikat dengan keindahannya lalu mencintainya. Maka lupalah ia pada Allah dan akhirat yang semua orang kembali kepadaNya.

Ya Allah jadikanlah kami orang yang mencintai Engkau dan mencari keredhaan Engkau.

7

MENGKAGUMI DIRI ('UJUB)

IAITU menganggap dan merasakan dirinya lebih dari orang lain, seperti membanggakan dirinya lebih berilmu, lebih banyak ibadat dan sebagainya tanpa bimbangkan kehilangan perkara-perkara tersebut, dan melupai yang ianya pemberian Allah Taala kepadanya. 'Ujub ini adalah punca takbur.

Sifat Ujub ini adalah suatu kelakuan hati yang sangat berbahaya dan tercela, ia membinasakan pahala ibadat, dan menghilangkan pertolongan Allah Taala.

وَيَوْمَ حُنَيْنٍ إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ فَلَمْ
تُغْنِ عَنكُمْ شَيْئًا

Ertinya:
"Ingatlah peristiwa hari peperangan Hunain, yang mana kamu telah merasa bilangan kamu cukup ramai (lalu kamu memandang rendah kepada kekuatan musuh hingga kamu dikalahkan). Anggapan kamu itu tidak menolong kamu sedikit pun."

(Al-Taubah: 25)

Ibnu Mas'ud ada berkata:

اَلْهَلاَكُ فِي اثْنَيْنِ الْقَنُوْطُ وَالْعُجبُ.

Ertinya:

"Kebinasaan itu berpunca dari dua perkara."

1. Putus asa dari rahmat dan kurnia Allah Taala
2. Merasakan diri lebih dari orang lain lalu memandang rendah kepadanya.

8

RIAK

MEMPERLIHATKAN amalan kepada manusia samada bertujuan mahukan pangkat dalam hati manusia, atau mahukan manfaat keduniaan dengan amal ibadatnya seperti mahu upah atau kepujian. Riak adalah haram dan dinamakan juga syirik kecil (tersembunyi).

Firman Allah Taala:

فَوَيْلٌ لِّلْمُصَلِّينَ ۝٤ ٱلَّذِينَ هُمْ عَن صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ
۝٥ ٱلَّذِينَ هُمْ يُرَآءُونَ ۝٦

Ertinya:
"Maka kecelakaanlah bagi ahli-ahli sembahyang iaitu mereka yang lalai dari menyempurnakan sembahyangnya iaitu mereka yang riak."

(Al-Maun: 4-6)

Sabda Nabi SAW:

اِنَّ اَخْوَفَ مَا اَخَافُ عَلَيْكُمْ الشِّرْكُ الْاَصْغَرُ وَهُوَ الرِّيَاءُ
يَقُوْلُ اللّٰهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ لِلْمُرَائِيْنَ اِذَا جَزَى اللّٰهُ النَّاسَ
بِاَعْمَالِهِمْ. اِذْهَبُوْا اِلَى الَّذِيْنَ كُنْتُمْ تُرَاءُوْنَ فِى الدُّنْيَا

أُنْظُرُوْا هَلْ تَجِدُوْنَ عِنْدَهُمْ جَزَاءً.

Ertinya:

"Bahawa sesuatu yang paling aku takuti berlaku atas kamu ialah syirik kecil iaitu riak. Yang mana pada hari kiamat Allah akan berkata pada orang-orang yang riak semasa di dunia ketika Allah memberi balasan kepada mereka, pergilah kamu kepada orang-orang yang kamu tunjukkan amalan kepadanya semasa di dunia. Adakah kamu dapati apa-apa balasan di sisi mereka?"

(Riwayat Ahmad)

Sebab-sebab menimbulkan riak ialah

1. Suka dipuji
2. Takut dicela
3. Tamakkan harta

Maka bagi menghilangkan riak hendaklah dihilangkan sebab-sebabnya, hendaklah diingat bahawa suka dipuji, takut dicela itu merupakan racun yang membinasakan pahala amalannya, ingatlah bahawa Allah yang memberi ganjaran bukan manusia.

9

LOBA MAKANAN ATAU LAHAP MAKANAN

LOBA makanan adalah punca segala kejahatan, kerana perut itu tempat keluar bagi segala keinginan, daripadanya terjadi keinginan Faraj, dan membawakan loba harta, dari inginkan harta membawa kepada inginkan kemegahan, kerana dengan kemegahan senang mendapat harta, dari situ terbit pula sifat riak, takbur, dengki dan berseteru.

Sabda Nabi SAW:

مَامَلأَ آدَمِيٌّ وِعَاءً شَرًا مِنْ بَطْنِهِ، بِحَسْبِ ابْنِ آدَمَ اكْلاَتٌ يُقِمْنَ صُلْبَهُ، فَانْ كَانَ لاَ مَحَالَةَ فَثُلُثٌ لِطَعَامِهِ وَثُلُثٌ لِشَرَابِهِ وَثُلُثٌ لِنَفَسِهِ.

Ertinya:

"Tiada memenuhkan manusia suatu bekas yang lebih berbahaya dari perutnya, adalah cukup bagi seseorang makan beberapa suap yang boleh membetulkan tulang belakangnya. Maka jika tidak dapat tidak maka bolehlah ditambahkan kadar

minumannya sepertiga dan sepertiga bagi pernafasan.

(Riwayat oleh Ahmad dan Tirmizi)

Tersebut dalam athar:

اَفْضَلُكُمْ عِنْدَ اللهِ اَطْوَلُكُمْ جُوْعًا وَتَفَكُّرًا ، وَاَبْغَضُكُمْ اِلَى اللهِ تَعَالَى كُلُّ اَكُوْلٍ شَرُوْبٍ نَئُوومٍ.

Ertinya:

"Antara kamu yang paling utama di sisi Allah ialah orang yang paling selalu berlapar (berpuasa) dan banyak berfikir. Dan di antara kamu yang paling dibenci Allah ialah setiap yang pemakan, yang banyak minum dan banyak tidur.

10

BANYAK BERCAKAP, LOBA BERKATA-KATA

BANYAK bercakap itu satu sifat yang tercela, bila banyak bercakap akan terkeluar dari mulutnya perkataan yang sia-sia. Perkataan yang sia-sia itu menyebabkan gelap hati malahan membawa kepada mati hati. Rasullulah SAW bersabda:

وَهَلْ يَكُبُّ النَّاسَ عَلَي مَنَاخِرِهِمْ اِلاَّ حَصَائِدُ اَلْسِنَتِهِمْ.

Ertinya:

"Tiada yang menyebabkan manusia tersembam di atas muka mereka ke dalam neraka melainkan dosa yang dihasilkan oleh lidah mereka."

(Riwayat oleh Tirmizi)

Dan sabda Nabi SAW lagi:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا اَوْلِيَصْمُتْ.

Ertinya:

"Siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat hendaklah ia bercakap yang baik-baik atau

berdiam diri."

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dan sabdanya lagi:

مَنْ يَتَوَكَّلْ لِي مَا بَيْنَ لِحْيَيْهِ وَرِجْلَيْهِ أَتَوَكَّلْ لَهُ بِالْجَنَّةِ.

Ertinya:

"Sesiapa yang menjamin bagiku apa yang di antara tempat misai dan janggutnya (mulut atau lidahnya) dan apa di antara dua kakinya (kemaluan) nescaya Aku jamin syurga untuknya."

(Riwayat Bukhari)

Dan sabdanya lagi:

مَنْ كَثُرَ كَلَامُهُ كَثُرَ سَقَطُهُ، وَمَنْ كَثُرَ سَقَطُهُ كَثُرَتْ ذُنُوبُهُ، وَمَنْ كَثُرَتْ ذُنُوبُهُ فَالنَّارُ أَوْلَى بِهِ.

Ertinya:

"Siapa yang banyak cakapnya, banyaklah tersalahnya, sesiapa yang banyak salahnya, banyaklah dosanya. Maka sesiapa yang banyak dosanya nerakalah tempat yang layak baginya."

(Riwayat Abi Naim)

Pada ketika hendak bercakap perkara yang sia-sia, tidak berfaedah, hendaklah difikirkan bahawa jika kita menyebut Allah Taala (berzikir) berselawat, beristighfar, bertahlil, bertahmid, bertakbir, berdoa dan sebagainya,

ganti dari perkataan yang tidak berfaedah itu kita dapat untung yang sangat besar, kerana berzikir itu adalah umpama sepotong emas, dan perbuatan yang sia-sia itu ibarat seketul tanah keras, maka adalah wajar bagi orang yang berakal mengambil ketul emas itu dan tinggal tanah keras yang tidak berharga itu. Ini jika perkataan itu sia-sia yang tidak berdosa.

Maka sekiranya perkataan yang dicakapkan itu mengandungi dosa, maka ianya umpama seputung api. Apakah waras orang yang meninggalkan seketul emas lalu merebut seputung api yang kelak membakar hangus akan dirinya sendiri?

Di antara kata-kata yang berdosa ialah berdusta, mengumpat, berbantah-bantah, mengejek, berjenaka dengan kata-kata yang menimbulkan kemarahan dan dendam. Dan memuji-muji yang menjadi punca kebinasaan kepada yang dipuji. Adapun yang tidak merosakan ianya tidaklah terlarang, begitu juga berjenaka, seperti pernah Nabi berjenaka kepada seorang perempuan tua katanya: "Tidak masuk syurga perempuan yang tua." Kata-kata tersebut menyedihkan perempuan tua itu, tetapi setelah dijelaskan bahawa setiap orang yang dimasukkan kesyurga itu dijadikan muda belia semuanya, ia kembali gembira.

2

SEPULUH SIFAT HATI YANG TERPUJI

1

TAUBAT

TAUBAT dari segala dosa (kembali mengikuti ajaran Allah). Rukunnya tiga.

1. Menyesali maksiat yang telah dilakukannya.
2. Berhenti dari melakukannya.
3. Berazam tidak akan mengerjakannya lagi.

Jika maksiat itu berhubung dengan makhluk (manusia) maka disyaratkan memulang, menganti atau minta halalkan dan jika tidak kuasa maka hendaklah ia bersungguh-sungguh mengikhlaskan taubatnya, dan memohon kepada Allah supaya orang yang empunya hak itu meredhakannya pada hari kiamat.

Taubat ialah permulaan jalan bagi orang yang menghendaki akhirat yang selamat. Ianya wajib bersegera. Firman Allah Taala:

إِنَّ اللّٰهَ يُحِبُّ التَّوَّابِيْنَ.

Ertinya:
"Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang selalu bertaubat."

Dan sabda Nabi SAW:

اَلتَّائِبُ مِنَ الذَّنْبِ كَمَنْ لاَ ذَنْبَ لَهُ.

Ertinya:

"Orang yang bertaubat dari dosa itu seperti orang yang tidak berdosa."

(Riwayat Ibnu Majah)

Dan sabda Nabi SAW lagi:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ تُوبُوا إِلَى اللّٰهِ فَإِنِّيْ أَتُوبُ إِلَيْهِ فِي الْيَوْمِ مِائَةَ مَرَّةٍ.

Ertinya:

"Wahai manusia bertaubatlah kamu kepada Allah, sesungguhnya aku sendiri bertaubat kepadaNya seratus kali sehari."

(Riwayat Muslim)

2

TAKUT AKAN ALLAH TAALA (KHAUF)

ORANG yang benar-benar mengenali Allah Taala ialah orang yang takut kepadaNya.

Firman Allah Taala:

إِنَّمَا يَخْشَى ٱللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ ٱلْعُلَمَٰٓؤُا۟

Ertinya:
"Hanya yang takut kepada Allah Taala dari hamba-hambaNya ialah para ulama (orang yang berilmu)."
(Al-Fathir: 28)

Yang lebih kenal dan rapat hubungannya dengan Allah dialah yang lebih takut kepadaNya.

Nabi SAW bersabda:

أنَا أخْوَفُكُمْ للهِ تَعَالَى.

Ertinya:
"Akulah orang yang paling takut kepada Allah Taala dari kalangan kamu."

Takutkan Allah Taala bererti tidak berani melanggar perintah Allah kerana hukuman seksanya tersangat

berat, tidak ada sesiapa pun yang dapat melepaskan diri daripadaNya. Adanya sifat ini pada seseorang akan membawa kepada keselamatan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Sifat ini boleh mengalahkan tipu daya syaitan yang sentiasa hendak mencelakakan hidup manusia.

Adanya sifat takutkan Allah, ini mendorong seseorang untuk berbakti dan mencintai Allah. Dan mengharapkan limpah kurniaNya, kerana dengan mendapat limpah kurniaNya seseorang terselamat dari seksaNya. Takut di sini mendorong seseorang untuk lebih mendampingi Allah yang Maha Pemurah lagi Penyayang.

3

ZUHUD

IAITU tidak mencintai mata benda duniawi, tidak terpikat hati kepada kebendaan.

Sifat zuhud adalah penyelamat daripada menjadi hamba dunia, hamba wang, hamba pangkat, hamba perempuan dan seterusnya.

Sifat zuhud boleh mengekalkan seseorang berada di jalan yang lurus menuju keredhaan Allah. Orang yang zuhud adalah orang yang mengenal hakikat hidup, hakikat dirinya, hakikat kebendaan dan tipu dayanya, hakikat tugas hidupnya, dari mana ia datang, untuk apa ia di sini, ke mana ia akan pergi, apakah makanan jasmani dan apakah makanan rohaninya.

Siapakah musuh hidupnya yang sebenar dan bagaimana jalan selamat? Tumpuan kasih dan cintanya hanya kepada Allah, keredhaan Allah menjadi kejarannya. Kerana itu kecintaan kepada perkara-perkara duniawi tidak mendapat tempat di hatinya, ia mengambil dan menggunakan kebendaan sekadar perlu, dan memandang kepada kebendaan sebagai alat untuk keperluan bagi mencapai ganjaran pahala dari Allah.

Ia tidak memandangnya sebagai tujuan. Yang menjadi tujuannya ialah melaksanakan amanah yang terpikul di bahunya, amanah yang akan ditanya tentang penyempurnaannya iaitu amanah sebagai hamba Allah, orang yang diserah tugas dan urusan. Rasulullah SAW ada bersabda:

ازْهَدْ فِي الدُّنْيَا يُحِبَّكَ اللّٰهُ وَازْهَدْ فِيمَا فِي أَيْدِي النَّاسِ يُحِبَّكَ النَّاسُ.

Ertinya:
"Zuhudlah pada keduniaan nescaya kamu dikasihi pada Allah, dan zuhudlah apa yang ada di tangan orang, nescaya orang mengasihi kamu."

(Riwayat Tirmidzi)

Alamat orang yang zuhud

1. Tidak gembira dengan apa yang ada, dan tidak berdukacita atas kehilangan.

لِكَيْلاَ تَأْسَوْا عَلَى مَا فَاتَكُمْ وَلاَ تَفْرَحُوْا بِمَا آتَاكُمْ

2. Sama sahaja di sisinya samada orang memujinya atau mengejinya
3. Merasakan senang hati mengingati Allah dan merasakan manis dan lazat mengerjakan taat.

4

SABAR

MENAHAN diri daripada marah atas sesuatu yang tidak disukainya dan menahan lidah daripada mengadu kepada yang lain daripada Allah Taala, atau tabah hati.

Kata imam Ghazali r.a, sabar adalah merupakan ketabahan dorongan agama melawan dorongan hawa nafsu, apabila dorongan agama tabah melawan dorongan nafsu, sampai dapat dikalahkannya, maka hal itu bererti kemenangan pasukan Allah, dan orang yang memiliki sifat ini termasuk golongan orang-orang yang sabar, tahan uji.

Sabar adalah fardhu ain atas tiap-tiap mukallaf, samada sabar mengerjakan taat yang wajib atau sabar meninggal maksiat atau sabar menghadapi bala. Adapun sabar mengerjakan taat yang sunat dan meninggalkan yang makruh hukumnya sunat tetapi pahalanya sangat besar.

Firman Allah Taala:

إِنَّمَا يُوَفَّى ٱلصَّٰبِرُونَ أَجْرَهُم بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿١٠﴾

Ertinya:

"Orang yang sabar itu akan disempurnakan pahala mereka tanpa perhitungan lagi."

(Al-Zumar: 10)

Dan firman Allah Taala lagi:

وَٱصْبِرُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٤٦﴾

Ertinya:
"Bersabarlah kamu, kerana sesungguhnya Allah bersama-sama orang yang sabar."

(Al-Anfal: 46)

Sabda Nabi SAW:

فِي الصَّبْرِ عَلَى مَا تَكْرَهُ خَيْرٌ.

Ertinya:
"Bersabar atas apa yang kamu benci adalah kebajikan.

Ibnu Abbas r.a berkata, sabar dalam Al-Quran ada tiga peringkat.

1. Sabar mengerjakan yang fardhu, hal ini mempunyai nilai tiga ratus darjat.
2. Sabar dalam menjauhi larangan Allah ia mempunyai enam ratus darjat.
3. Sabar menghadapi bala bencana pada mula terjadinya, ia mempunyai sembilan ratus darjat.

Yang terakhir ini mempunyai nilai yang lebih ialah kerana setiap mukmin dapat bersabar dalam menunaikan ibadah dan menjauhi larangan tetapi belum tentu dapat bersabar dalam menghadapi bencana, iaitulah kesabaran para Nabi dan Siddiqin.

Nabi SAW ada bersabda:

الايْمَانُ نِصْفَانِ نِصْفٌ فِي الصَّبْرِ وَنِصْفٌ فِي الشُّكْرِ.

Ertinya:

"Iman itu dua bahagian, sebahagian pada sabar dan sebahagian pada syukur.

Kerana iman yang sempurna itu membenarkan di dalam hati, mengaku dengan lidah dan mengerjakan dengan anggota. Dan ketiga-tiga itu terbahagi dua bahagian, pertama mengerjakan yang disuruh, iaitulah hakikat syukur, dan kedua meninggalkan yang dilarang, iaitulah hakikat sabar daripada maksiat.

5

MENSYUKURI NIKMAT

IAITU memuji Allah di atas nikmat pemberianNya dengan lidah seperti melafazkan alhamdulilah dan serta menggunakan nikmat-nikmat pemberian Allah Taala pada tempat dan dengan cara yang dikehendaki Allah, seperti menggunakan nikmat telinga buat mendengar pengajaran-pengajaran yang benar, nasihat yang berguna, bacaan Al-Quran dan sebagainya.

Demikianlah juga nikmat mata, tangan, kaki, akal fikiran, tenaga dan lain-lain nikmat pemberian Allah untuk faedah dan keperluan kita.

Firman Allah Taala:

وَمَا بِكُم مِّن نِّعْمَةٍ فَمِنَ ٱللَّهِ

Ertinya:

"Apa-apa nikmat yang ada pada kamu adalah dari Allah.

(Al-Nahl: 53)

Dan firmanNya:

وَسَيَجْزِى ٱللَّهُ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٤٤﴾

Ertinya:
"Dan Allah akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur.

(Ali Imran: 144)

لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ

Ertinya:
"Sekiranya kamu bersyukur tetap Aku akan memberi tambahan kepada kamu.

(Ibrahim: 7)

Dalam pada itu banyak hamba-hamba Allah yang tidak bersyukur.

Sebagaimana firman Allah Taala:

وَقَلِيلٌ مِّنْ عِبَادِىَ ٱلشَّكُورُ ﴿١٣﴾

Ertinya:
"Dan adalah sedikit dari hamba-hambaKu yang bersyukur.

(Saba: 13)

Sebenarnya syukur itu boleh menolak azab sebagaimana firman Allah Taala:

مَّا يَفْعَلُ ٱللَّهُ بِعَذَابِكُمْ إِن شَكَرْتُمْ وَءَامَنتُمْ

Ertinya:
"Tidaklah Allah akan mengenakan seksa ke atas kamu sekiranya kamu bersyukur dan beriman.

(An-Nisa: 147)

Bersyukur itu sangat besar pahalanya.

Sabda Nabi SAW:

الطَّاعِمُ الشَّاكِرُ بِمَنْزِلَةِ الصَّائِمِ الصَّابِرِ.

Ertinya:
"Orang yang makan lalu bersyukur itu adalah menepati dan menyerupai orang-orang yang berpuasa yang sabar."

6

IKHLAS

MELAKUKAN sesuatu kebajikan dengan tujuan semata-mata mahukan pahala, dan keredhaan Allah Taala, tidak bertujuan hendakkan keuntungan keduniaan seperti harta dan pujian.

Allah Taala berfirman:

وَمَآ أُمِرُوٓا۟ إِلَّا لِيَعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ

Ertinya:
"Tidaklah mereka diperintahkan melainkan supaya mereka menyembah Allah dengan mengikhlaskan ketaatan keranaNya.

(Al-Bayinah: 5)

Dan sabda Nabi SAW:

اِنَّمَا اْلاَعْمَالُ بِالْنِيَّاتِ وَاِنَّمَا لِكُلِّ امْرِيءٍ مَا نَوَي فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ اِلَي اللّٰهِ وَرَسُوْلِهِ فَهِجْرَتُهُ اِلَي اللّٰهِ وَرَسُوْلِهِ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيْبُهَا اَوِامْرَاَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ اَلَي مَا هَاجَرَ اِلَيْهَا.

Ertinya:

"Hanya setiap amalan itu dikira semata-mata dengan niat, dan seseorang akan beroleh hanya apa yang diniatkan, maka sesiapa yang niat hijrahnya kepada Allah dan Rasulnya, maka hijrahnya dikira kepada Allah dan Rasulnya. Dan sesiapa yang hijrahnya kerana kepentingan keduniaan yang mahu diperolehinya atau kerana seseorang perempuan yang hendak dikahwininya, maka hijrahnya dikira kepada yang diniatkan ketika melakukan hijrah itu.

Ikhlas itu ada tiga pangkat:

1. Seseorang hamba mengerjakan taat kerana semata-mata menjunjung perintah Allah Taala, ini yang paling tinggi.
2. Mengerjakan ketaatan kerana menuntut pahala dan menyelamatkan dari seksa, ini yang pertengahan.
3. Mengerjakan ketaatan supaya Allah memuliakannya di dunia atau supaya selamat dari kebinasaan di dunia. Ini yang paling rendah.

Kata Imam Ghazali: Ikhlas ada baginya: Hakikat, asal dan kesempurnaan. Asalnya ialah niat (menghendaki keredhaan Allah).

Hakikatnya ialah membersihkan niat dari apa-apa campuran dan kesempurnaan ikhlas ialah: benar.

Benar itu ada enam peringkat:

1. Benar pada perkataan dan kelakukan.
2. Benar pada niat.
3. Benar pada cita-cita.
4. Benar pada menyempurnakan cita-cita itu.
5. Benar pada segala pekerjaan, kelakuan zahir serupa dengan apa yang di dalam hati.
6. Benar pada segala amal batin, seperti sabar, syukur dan tawakal serta lain-lain.

7

TAWAKAL

TAWAKAL iaitu percaya dengan Allah Taala dan yakin bahawa Qada'Nya, menembusi dan mengikut sunnah Nabi SAW, dan berusaha pada apa yang boleh diusahakan sambil menyerah dan berharap pada Allah menghasilkan natijah yang baik.

Allah Taala berfirman:

وَعَلَي اللهِ فَتَوَكَّلُوا اِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِيْنَ.

Ertinya:
"Kepada Allah hendaklah kamu bertawakal sekiranya kamu orang-orang yang benar beriman."

Dan Sabda Nabi SAW:

اِعْقِلْهَا وَتَوَكَّلْ.

Ertinya:
"Ikat akan dia terlebih dahulu kemudian berserah kepada Allah."

(Riwayat Ibnu Hiban)

Firman Allah Taala:

وَمَن يَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُۥٓ ۚ

Ertinya:

"Sesiapa bertawakal pada Allah, maka Ia akan memberi kecukupan.

(Al-Thalaq: 3)

8

KASIH KEPADA ALLAH TAALA

FIRMAN Allah Taala:

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَشَدُّ حُبًّا لِّلَّهِ

Ertinya:
"Orang yang beriman adalah bersangatan kasihnya akan Allah."

(Al-Baqarah: 165)

Dan sabda Nabi SAW:

اَحِبُّوا اللهَ لِمَا يَغْذُوْكُمْ بِهِ مِنْ نِعَمِهِ.

Ertinya:
"Kasihlah kamu akan Allah Taala kerana Ia mengurniakan kamu dari nikmat-nikmatNya."

(Riwayat Tirmidzi)

Sebab yang mendatangkan kasih ada dua, pertama berbuat baik, kedua cantik. Kita mengasihi Allah kerana tiada yang memberi kebaikan, melimpahkan rahmat nikmat melainkan Allah yang Maha Terpuji, Maha Agung. Kita hidup dalam limpah kurniaNya, dan kita mengasihiNya kerana segala kecantikan dan segala

kesempurnaan yang ada di dalam alam ini adalah dari bekas ciptaan Allah sekaliannya.

Tanda kasihkan Allah Taala itu:

Antaranya mendahulukan suruhan Allah atas perkara yang disukai nafsunya, dan rindu hendak menemuiNya, tidak takutkan mati melainkan kerana ingin menambah ma'rifat, redha apa yang ditentukan oleh Allah, tidak mencintai keduniaan, kerana ia boleh melalaikan dari menyebut Allah Taala yang dikasihinya. Kelaziman dari kasih ialah taat.

9

REDHA AKAN QADA' (KETETAPAN) ALLAH TAALA

IAITU senang atau suka hati akan segala yang dikehendaki Allah Taala, dan tidak membantah, menyangkal segala yang dibuat oleh Allah Taala atas segala hambaNya. Bukan makna redha akan qada' itu tidak berasa sakit ketika kena bala, dan bukan meninggalkan berdoa dan berubat, dan bukan juga bermakna membiarkan mudarat datang kepada dirinya sedangkan ia kuasa menolaknya, bahkan Allah Taala suruh engkau berdoa.

Bahkan antara sifat redha akan qadha' Allah Taala ialah mendapatkan apa yang disukai dengan mengerjakan sebab musababnya. Sebaliknya meninggalkan sebab musabab itu adalah menyalahi apa yang diredhai Allah, tiada dinamakan redha akan qadha' Allah orang yang dahaga tetapi tidak menghulurkan tangannya kepada air sejuk untuk diminum.

Orang yang redha akan qadha' Allah itu mereka bersyukur atas kebaikan yang diberi Allah dari

usahanya, dan menyalahkan diri sendiri jika keburukan yang diterima, sambil terus berusaha dan memperbaiki usahanya semoga Allah memberi kepadanya kebaikan.

Redha akan qadha' Allah adalah perangai yang terpuji, firman Allah Taala:

رَّضِيَ ٱللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا۟ عَنْهُ

Ertinya:
"Allah redha terhadap mereka (yang beriman yang mengerjakan amal yang baik), dan mereka pun meredhai terhadap Allah."

(Al-Bayinah: 8)

Dan sabda Nabi SAW:

مِنْ سَعَادَةِ ابْنِ آدَمَ رِضَاهُ بِمَا قَضَاهُ اللّٰهُ، وَمِنْ شَقَاوَةِ ابْنِ آدَمَ سَخَطُهُ بِمَا قَضَى اللّٰهُ لَهُ.

Ertinya:
"Setengah daripada kebahagiaan anak Adam ia meredhai apa yang diqadha' oleh Allah Taala dan dari kecelakaan anak Adam ialah benci akan qadha' (keputusan yang dibuat oleh)Allah Taala baginya."

(At-Tirmidzi)

Orang yang redha akan qadha' Allah adalah orang yang terpimpin hidupnya, tidak resah gelisah, tidak putus asa dari rahmat Allah, tidak dihanyuti oleh

perasaan marah, malahan tetap menyendiri taraf dirinya dan kebolehan dirinya, dan tetap menjalankan ikhtiar dengan penuh harapan.

10

INGATKAN MATI

SELALU ingatkan mati adalah sifat terpuji, kerana ia menjadi pendorong yang kuat ke arah membanyakkan ibadat dan ketaatan, dan ianya boleh mengurangkan kecintaan kepada keduniaan dan dari berangan-angan. Sabda Nabi SAW:

اَكْثِرُوْا ذِكْرَ هَازِمِ اللَّذَّاتِ فَاِنَّهُ لاَ يَكُوْنُ فِيْ كَثِيْرٍ اِلاَّ قَلَّلَهُ، وَلاَ فِيْ قَلِيْلٍ اِلاَّ اَجْزَلَهُ.

Ertinya:
"Selalulah menyebut pemutus kelazatan (mati) kerana mati itu jika disebut kepada orang yang banyak memiliki keduniaan dan angan-angan ia akan mengurangkannya. Dan jika disebut kepada orang yang sedikit amalan kebajikannya ia akan memperbanyakkannya."

(Riwayat Baihaqi)

Dan sabda Nabi SAW:

الكَيِّسُ مَنْ دَانَ نَفسَهُ وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ.

Ertinya:
"Orang yang berakal itu mereka menghisab akan

dirinya dan berusaha untuk keberuntungan selepas mati."

(Riwayat Ahmad)

Mengingati mati menjadikan seseorang tidak terpedaya oleh dunia, dan membawa ia mencintai akhirat. Sesuatu yang melalaikan dari mengingati mati ialah tinggi angan-angan, dan ianya berpunca dari cintakan dunia dan kerana kejahilan. Sabda Nabi SAW:

كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيْبٌ اَوْعَابِرُ سَبِيْلٍ.

Ertinya:

"Beradalah kamu di dunia ini seolah-olah orang yang sedang dalam perjalanan."

Antara perkara yang boleh menolong untuk mengingatkan mati ialah ziarah kubur.

Sabda Nabi SAW:

زُوْرُوْا الْقُبُوْرَ، فَانَّهَا تُذَكِّرُ الْمَوْتِ

Ertinya:

"Ziarahlah kubur, kerana ianya boleh mengingatkan mati."

Dan sabdanya lagi:

كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُوْرِ فَزُوْرُوْهَا فَانَّهَا تُزَهِّدُ فِي الدُّنْيَا وَتُذَكِّرُ الآخِرَةَ.

Ertinya:
"Dahulu aku tegah kamu dari ziarah kubur, sekarang ziarahlah kerana ianya boleh menzahidkan pada keduniaan, dan mengingatkan kamu kepada akhirat."

والله اعلم، وصلي الله على محمد وعلى اله وصحبه وسلم، سبحان ربك رب العزة عما يصفون، وسلام على المرسلين والحمد لله رب العالمين.